



Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
dan Hal Ehwal Pengguna



PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA
INTELLECTUAL PROPERTY CORPORATION OF MALAYSIA

PELAKSANAAN SISTEM MADRID

KUALA LUMPUR, 27 Disember 2019 - Berkuatkuasa hari ini pemilik cap dagangan di Malaysia boleh mendaftarkan jenama mereka menerusi Sistem Madrid, sistem pemfailan tunggal untuk pendaftaran di mana-mana negara yang dipilih. Ia berikutan penyertaan Malaysia dalam Protokol Madrid, sistem pendaftaran cap dagangan antarabangsa yang ditadbir Pertubuhan Harta Intelek Dunia (WIPO) September lalu.

Dengan hanya memfailkan satu aplikasi antarabangsa melalui Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dan membayar satu set fi dalam satu bahasa, pemilik jenama tempatan boleh melindungi dan mempromosikan produk mereka di 122 negara di seluruh dunia dengan kos yang lebih murah dan mudah tanpa perlu berurusan di setiap negara yang ingin diteroka.

Sistem Madrid ini turut memberikan fleksibiliti untuk membuat penambahan negara bagi mendapatkan perlindungan cap dagangan mereka setelah memperolehi pendaftaran antarabangsa.

Pemilik jenama yang ingin mendaftar jenama mereka menerusi sistem ini boleh mengunjungi mana-mana kaunter khidmat pelanggan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) di seluruh negara. Manakala pemilik jenama sedia ada yang telah berdaftar di MyIPO sebelum ini juga boleh berbuat demikian.